

BAB KEEMPAT

ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan


Perbincangan dapatan kajian dalam bab ini adalah berdasarkan paparan dapatan yang diberikan hasil daripada penganalisaan data secara sistematik ke atas maklum balas yang diberikan oleh responden kajian. Perbincangan meliputi dua bahagian utama iaitu berkaitan dengan hasil analisis secara deskriptif dan juga hasil analisis secara inferensi. Dalam bahagian pertama, perbincangan adalah berkaitan hasil analisis statistik deskriptif yang melibatkan peratusan bertujuan untuk menjelaskan profil responden dari segi umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan, aliran sekolah dan aliran pendidikan tertinggi. Manakala dalam bahagian kedua pula, perbincangan adalah berdasarkan kepada paparan hasil analisis inferensi iaitu khi kuasa dua (χ^2) dan Analisis Varians yang bertujuan untuk menguji hipotesis yang telah dibina dalam kajian ini.

4.2 Latarbelakang Responden

Bilangan soal selidik yang dihantar adalah sebanyak 130 soal selidik dan diterima sebanyak 102 soal selidik. Jumlah keseluruhan maklum balas memberikan peratus yang mencukupi iaitu 78.46 peratus (102 daripada 130). Peratusan maklum balas minimum yang diterima pakai ialah 30 peratus. Responden adalah terdiri daripada penduduk di sekitar bandar Pasir Mas Kelantan.


Dari segi umur, kebanyakan responden terdiri dari kalangan mereka yang berumur 41-50 tahun iaitu 61 orang (59.8%) dan golongan yang paling sedikit adalah mereka dari kalangan berumur 21-30 tahun iaitu 9 orang (8.8%) seperti dalam carta 4.0.

Carta 4.0: Peratusan Umur Responden




Carta 4.2 menunjukkan bahawa sebilangan besar responden terdiri dari kalangan mereka yang berkahwin iaitu 92 orang (90.2%) dan yang lainnya dari kalangan bujang iaitu 9 orang (8.8%) dan bercerai 1 orang (1%).

Carta 4.1: Peratusan Status Responden




Dari segi pekerjaan pula, 50 orang (49%) dari kalangan mereka yang bekerja sendiri, 46 orang (45.1%) dari kalangan penjawat awam dan selebihnya dari kalangan pelajar iaitu 6 orang (5.9%) sebagaimana carta 4.2.

Carta 4.2: Peratus Pekerjaan Responden




Dari segi tahap pendidikan pula, seramai 7 orang (6.9%) merupakan lepasan universiti. Manakala yang lain memiliki pendidikan tinggi setakat diploma iaitu seramai 37 orang (36.3%). Jumlah tertinggi ialah dari kalangan mereka yang mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah iaitu seramai 56 orang (54.9%). Manakala selebihnya adalah dari tahap sekolah rendah sebagaimana carta 4.3.

Carta 4.3: Peratus Pendidikan Responden



Dari segi aliran pengajian, kebanyakan responden adalah dari kalangan aliran sains sosial iaitu 52 orang (51%), diikuti responden dari aliran agama dan aliran sains iaitu 42 orang (41.2%) dan 8 orang (7.8%) masing-masing.

Carta 4.4: Peratusan Aliran Pengajian Responden



4.3 Keputusan Taburan Frekuensi

4.3.1 Pandangan Masyarakat Terhadap Parti Politik Menurut Islam

Untuk melihat sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap parti politik, semua soalan di dalam soalselidik dicampurkan (*compute*). Dengan itu, satu skor keseluruhan diperolehi. Daripada skor keseluruhan berkenaan, dapatlah ditentukan pandangan tersebut berada dalam kelas yang mana di antara lima skala yang digunakan. Lima skala utama yang digunakan dalam kajian ini ialah: sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju, sangat setuju, Amat Sangat Setuju.

Daripada 102 responden (N=102), didapati tiada responden yang menyatakan sangat tidak setuju dan hanya seorang sahaja (1%) yang tidak setuju dengan penentuan

parti politik. Manakala jumlah sangat setuju merupakan bilangan yang terbesar iaitu seramai 52 orang (51%), diikuti dengan pernyataan setuju iaitu 47 orang (46.1%) dan 2 orang (2%) menyatakan Amat Sangat Setuju sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.1.


Jadual 4.1: Pandangan Masyarakat Terhadap Parti Politik

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	1	1.0
Setuju	47	46.1
Sangat Setuju	52	51.0
Amat Sangat Setuju	2	2.0
Jumlah	102	100.0

Sumber : Analisis soal selidik

Purata item = 3.54

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati purata item yang diperolehi ialah 3.54 (70.8% persetujuan) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.1. Purata/peratus ini menunjukkan bahawa pandangan responden terhadap penentuan politik pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi sebagaimana yang digambarkan oleh skala berikut:



Kesimpulannya bahawa masyarakat Bandar Pasir Mas memahami konsep penentuan parti politik menurut Islam.

Jika dilihat kepada setiap bahagian di dalam soal selidik dalam jadual 4.2, didapati ia mencatat mata melebihi 70% pandangan positif masyarakat Pasir Mas

tentang parti politik menurut Islam. Peratusan ketiga-tiga bahagian hampir sama iaitu sekitar 71% hingga 73%. Ini menunjukkan bahawa pemahaman masyarakat tentang konsep politik Islam berada pada tahap persetujuan yang tinggi.

Jadual 4.2: Pandangan Masyarakat Terhadap Konsep Parti Politik

Perkara	Purata Item	Peratus
Pemahaman Politik Islam	3.63	72.6
Penentuan Parti Politik	3.55	71.0
Syarat Menjadi Pemimpin	3.64	72.8

Sumber : Analisis soal selidik

Setelah mengetahui penerimaan masyarakat terhadap konsep parti politik secara umum, maka analisis berikut akan melihat pandangan masyarakat terhadap setiap konsep tersebut secara terperinci.

4.3.2 Pandangan Masyarakat terhadap Konsep Politik Islam

Untuk mengetahui pandangan masyarakat terhadap pemahaman politik Islam, maka semua item di dalam soal selidik dianalisis secara menyeluruh. Hasilnya daripada 102 responden (N=102), di dapati seramai 39 orang (38.2%) bersetuju dengan konsep pemahaman parti di dalam Islam dan bilangan yang tertinggi menyatakan sangat setuju iaitu seramai 62 orang (60.8%). Manakala seorang sahaja (1%) menyatakan Amat Sangat Setuju. Jadual 4.3 menggambarkan pandangan masyarakat Pasir Mas berkenaan dengan pemahaman mereka terhadap parti politik. Jadual ini menunjukkan secara keseluruhannya konsep pemahaman parti menurut Islam diterima baik oleh masyarakat di mana skor bagi purata item ialah 3.63 (72.6%) berdasarkan skala Likert 1 hingga 5. Ini menunjukkan bahawa responden begitu memahami konsep politik menurut Islam.

Jadual 4.3 : Pandangan Masyarakat Terhadap Konsep Politik Islam

Tahap Persetujuan	Purata Item	Peratus
Setuju	39	38.2
Sangat Setuju	62	60.8
Amat Sangat Setuju	1	1.0

Sumber : Analisis soal selidik

Analisis lanjut akan melihat secara lebih terperinci dengan jelas melalui jadual terperinci bahawa semua kenyataan tersebut mencatatkan purata item pada tahap 3 ke atas sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.4. Politik Islam ialah menjadikan pentadbiran Negara sesuai dengan syariat Islam merupakan pandangan yang paling tinggi iaitu pada skor purata 3.81. Ini menunjukkan bahawa masyarakat memahami matlamat pentadbiran Islam. Ia diikuti oleh kenyataan politik Islam termasuklah menjadi pemimpin yang mendapat mata purata 3.70. Walau bagaimanapun, terdapat kenyataan yang mendapat mata purata di bawah 3 seperti politik Islam ialah mendirikan Negara yang terdiri dari kalangan orang Islam sahaja (2.20), politik Islam ialah menjaga kepentingan rakyat semata-mata (1.81) dan politik Islam ialah melaksanakan hukum Islam semata-mata (2.20). Kenyataan ini adalah bercanggah dengan konsep parti politik di dalam Islam. Oleh itu, purata skor di bawah 3 itu menunjukkan bahawa masyarakat tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan. Ini bermakna responden memahami konsep-konsep politik Islam dengan baik.

Jadual 4.4: Pandangan Masyarakat Terhadap Item-item Pemahaman Politik Islam⁷⁹

Perkara	Kekerapan					Purata
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
Politik ialah hal ehwal	2	9	67	22	2	3.13

⁷⁹ Angka yang terdapat dalam kurungan adalah peratus

keluarga	(2.0)	(8.8)	(65.7)	(21.6)	(2.0)	
Hal ehwal kuasa kerajaan adalah politik	0 (0%)	2 (2.0)	67 (65.7)	24 (23.5)	9 (8.8)	3.39
Politik Islam termasuklah menjadi pemimpin	0 (0%)	1 (1.0)	47 (46.1)	36 (35.3)	18 (17.6)	3.70
Politik Islam ialah mendirikan negara yang terdiri dari kalangan orang Islam sahaja	23 (22.5)	49 (48.0)	18 (17.6)	11 (10.8)	1 (1.0)	2.20
Politik Islam ialah menjadikan pentadbiran negara sesuai dengan syariat Islam	1 (1.0)	2 (2.0)	30 (29.4)	51 (50.0)	18 (17.6)	3.81
Politik Islam ialah menjaga kepentingan rakyat Islam semata-mata	35 (34.3)	53 (52.0)	13 (12.7)	-	1 (1.0)	1.81
Politik Islam ialah melaksanakan hukum Islam semata-mata	18 (17.6)	57 (55.9)	19 (18.6)	5 (4.9)	3 (2.9)	2.20
Politik Islam termasuk dalam semua aspek kehidupan.	1 (1.0)	5 (4.9)	58 (56.9)	29 (28.4)	9 (8.8)	3.39
Parti politik ialah yang berasaskan organisasi ekonomi	3 (2.9)	57 (55.9)	35 (34.3)	7 (6.9)	0 (0%)	2.45
Politik itu hanya ketika membuat pemilihan wakil rakyat semata-mata	19 (18.6)	66 (64.7)	14 (13.7)	3 (2.9)	0 (0%)	2.01
Politik Islam adalah sebuah organisasi formal untuk mempertahankan kuasa kerajaan	2 (2.0)	46 (45.1)	42 (41.2)	6 (5.9)	6 (5.9)	2.69
Melibatkan diri dalam parti politik adalah tanggungjawab setiap orang Islam	3 (2.9)	25 (24.5)	43 (42.2)	19 (18.6)	12 (11.8)	3.12
Kita mesti melibatkan diri secara langsung dalam parti	3 (2.9)	36 (35.3)	51 (50.0)	9 (8.8)	3 (2.9)	2.74
Kita hendaklah menjadi ahli parti tersebut	4 (3.9)	56 (54.9)	32 (31.4)	8 (7.8)	2 (2.0)	2.49
Menjadi ahli dan berkempen adalah cara untuk menentukan parti yang dipilih	7 (6.9)	43 (42.2)	35 (34.3)	16 (15.7)	1 (1.0)	2.62

Sumber: Analisis Soalselidik

4.3.3 Pandangan Masyarakat Terhadap Penentuan Parti Politik

Analisis ke atas semua soalan dalam aspek penentuan parti ini menunjukkan bahawa daripada 102 responden (N=102), hanya 3 orang (2.9%) menyatakan tidak setuju dengan cara penentuan parti yang dicadangkan. Seramai 7 orang (6.6%) menyatakan Amat Sangat Setuju. Manakala bilangan tertinggi iaitu 47 orang (46.1%) menyatakan setuju dan yang menyatakan sangat setuju pula seramai 45 orang (44.1%).

Daripada jadual 4.5 di bawah, didapati secara keseluruhan mata purata di catatkan ialah 3.55 iaitu 71%. Bacaan purata ini dengan jelas menunjukkan pandangan masyarakat yang positif terhadap penentuan parti politik menurut Islam.

Jadual 4.5 : Pandangan Masyarakat Terhadap Penentuan Parti Politik

Tahap Persetujuan	Purata Item	Peratus
Tidak Setuju	3	2.9
Setuju	47	46.1
Sangat Setuju	45	44.1
Amat Sangat Setuju	7	6.9

Sumber: Analisis soalselidik N=102
Min = 3.55

Apabila merujuk kepada pandangan masyarakat terhadap penentuan parti politik secara satu persatu (Jadual 4.6), item “perlu melihat parti manakah yang menjamin kedaulatan Negara”, purata yang diperolehi ialah 3.82. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju memilih parti yang akan menjamin kedaulatan Negara. Item kedua yang tertinggi ialah item “Pilih parti yang memberi kemudahan pada penduduk”. Purata yang diperolehi ialah 3.76. Ini menunjukkan bahawa responden akan memilih pemimpin yang mampu memberikan kemudahan kepada para penduduk, bukan sekadar cakap kosong. Walaupun kebanyakan purata item melebihi paras 3, terdapat juga purata item

yang kurang daripada 3. Purata item yang kurang daripada 3 ini menunjukkan pandangan negatif responden terhadap soalan yang dikemukakan. Antaranya ialah item “Parti yang dipilih mesti perjuangkan dasar Islam walaupun aspek pentadbiran tidak memuaskan. Purata yang diperolehi ialah 2.47. Ini menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju memilih parti yang hanya memperjuangkan dasar Islam semata-mata sedangkan aspek pentadbiran diabaikan.

Jadual 4.6: Pandangan Masyarakat Terhadap Item-item Penentuan Parti Politik⁸⁰

Perkara	Kekerapan					Purata
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
Penentuan politik berdasarkan ciri-ciri negara Islam	0 (0%)	7 (6.9)	37 (36.3)	46 (45.1)	12 (11.8)	3.62
Pilih parti yang memberi kemudahan pada penduduk	0 (0%)	5 (4.9)	36 (35.3)	39 (38.2)	22 (21.6)	3.76
Penentuan parti mengambilkira dasar yang dibawa	2 (2.0)	3 (2.9)	40 (39.2)	53 (52.0)	4 (3.9)	3.53
Perlu melihat parti manakah yang menjamin kedaulatan negara	0 (0%)	2 (2.0)	35 (34.3)	44 (43.1)	21 (20.6)	3.82
Ulama terdahulu libat diri secara langsung dalam politik	0 (0%)	43 (42.2)	46 (45.1)	9 (8.8)	4 (3.9)	2.75
Menentukan parti berdasarkan kebolehan sebagai pemerintah	0 (0%)	1 (1.0)	48 (47.1)	33 (32.4)	20 (19.6)	3.71
Menerima parti yang meletakkan calon perempuan	2 (2.0)	41 (40.2)	42 (41.2)	13 (12.7)	4 (3.9)	2.76
Parti yang dipilih mestiperjuangkan dasar Islam walaupun aspek pentadbiran tidak memuaskan	13 (12.7)	49 (48.0)	23 (22.5)	13 (12.7)	4 (3.9)	2.47
Penentuan parti berdasarkan isu-isu yang dibawa	2 (2.0)	21 (20.6)	57 (55.9)	13 (12.7)	9 (8.8)	3.06
Penentuan politik	1	20	57	13	11	3.13

⁸⁰ Angka yang terdapat dalam kurungan adalah peratus

berdasarkan pakatan yang boleh tegakkan dasar Islam	(1.0)	(19.6)	(55.9)	(12.7)	(10.8)	
Pilih parti berdasarkan kehendak ramai	4 (3.9)	45 (44.1)	26 (25.5)	15 (14.7)	12 (11.8)	2.86
Sanggup memperjuangkan parti walaupun dipinggir	1 (1.0)	17 (16.7)	58 (56.9)	20 (19.6)	6 (5.9)	3.13

Sumber: Analisis Soalselidik

4.3.4 Pandangan Masyarakat Terhadap Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam

Analisis ke atas semua soalan dalam aspek syarat-syarat untuk menjadi pemimpin menunjukkan bahawa daripada 102 responden (N=102), hanya 2 orang (2.0%) menyatakan tidak setuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin yang dicadangkan. Seramai 8 orang (7.8%) menyatakan Amat Sangat Setuju. Manakala bilangan tertinggi iaitu 51 orang (50%) menyatakan sangat setuju dan yang menyatakan setuju pula seramai 41 orang (40.2%).

Daripada jadual 4.7 di bawah, didapati secara keseluruhan mata purata di catatkan ialah 3.64 iaitu 72.8%. Bacaan purata ini dengan jelas menunjukkan pandangan masyarakat yang positif terhadap syarat-syarat untuk menjadi pemimpin menurut Islam.

Jadual 4.7: Pandangan Masyarakat Terhadap Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam

Tahap Persetujuan	Purata Item	Peratus
Tidak Setuju	2	2.0
Setuju	41	40.2
Sangat Setuju	51	50.0
Amat Sangat Setuju	8	7.8

Sumber: Analisis soalselidik

N=102
Min = 3.64

Apabila merujuk kepada pandangan masyarakat terhadap syarat-syarat untuk menjadi pemimpin secara satu persatu (Jadual 4.8), item “tolak pemimpin yang

amalkan rasuah” mendapat purata yang paling tinggi iaitu 4.21. Ini menunjukkan bahawa responden menolak terus mana-mana pemimpin yang mengamalkan rasuah kerana ianya akan mengundang masalah kepada Negara. Item kedua yang mendapat mata tertinggi ialah item “Pilih pemimpin yang berjiwa rakyat”. Purata yang diperolehi ialah 3.95. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju memilih pemimpin yang berjiwa rakyat yang dapat memahami masalah rakyat. Walaupun kebanyakan purata item melebihi paras 3, terdapat juga purata item yang kurang daripada 3. Purata item yang kurang daripada 3 ini menunjukkan pandangan negatif responden terhadap soalan yang dikemukakan. Antaranya ialah item “Pilih pemimpin yang warak walau ada yang berkebolehan tetapi tidak warak”. Purata yang diperolehi ialah 2.97. Ini menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju memilih pemimpin yang warak tetapi tidak mampu mentadbir dengan baik. Begitu juga dengan pandangan memilih pemimpin yang memperjuangkan dasar Islam walaupun ianya hanya manifesto semata-mata. Purata yang diperolehi ialah 2.92. Ini menunjukkan masyarakat memerlukan pemimpin yang memperjuangkan dasar Islam bukan hanya manifesto semata-mata, tetapi hendaklah dilaksanakan sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Jadual 4.8: Pandangan Masyarakat Terhadap Item Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam⁸¹

Perkara	Kekerapan					Purata
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
Pilih pemimpin berdasarkan kebolehan	1 (1.0)	1 (1.0)	60 (58.8)	24 (23.5)	16 (15.7)	3.52
Pilih pemimpin yang warak walau ada yang berkebolehan tetapi tidak warak	3 (2.9)	29 (28.4)	45 (44.1)	18 (17.6)	7 (6.9)	2.97
Pilih pemimpin yang berkebolehan	17 (16.7)	52 (51.0)	18 (17.6)	15 (14.7)	15 (14.7)	3.30
Pilih pemimpin yg berjiwa rakyat	1 (1.0)	1 (1.0)	23 (22.5)	54 (52.9)	23 (22.5)	3.95

⁸¹ Angka yang terdapat dalam kurungan adalah peratus

Tolak pemimpin yang amalkan rasuah	0 (0%)	1 (1.0)	20 (19.6)	38 (37.3)	43 (42.2)	4.21
Pilih pemimpin yang memperjuangkan dasar Islam walaupun ianya hanya manifesto semata-mata	6 (5.9)	40 (39.2)	18 (17.6)	32 (31.4)	6 (5.9)	2.92

Sumber: Analisis Soalselidik

4.4 Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2) dan Analisis Varians (ANOVA)

Analisis Perhubungan dan Perbezaan Terhadap Konsep Politik Menurut Islam.

Bahagian ini menghuraikan dua aspek analisis yang berkaitan dengan pandangan responden terhadap konsep politik di dalam Islam mengikut latarbelakang responden. Analisis pertama ialah analisis **perhubungan**; iaitu untuk melihat perhubungan antara latarbelakang responden dengan pandangan mereka terhadap konsep parti di dalam Islam. Analisis kedua pula ialah analisis **perbezaan**; iaitu untuk melihat perbezaan antara latarbelakang responden dengan pandangan mereka terhadap konsep politik di dalam Islam.

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada latarbelakang responden mempengaruhi pandangan mereka terhadap konsep politik di dalam Islam atau tidak. Analisis ini akan melibatkan 3 bahagian utama iaitu pemahaman politik Islam, penentuan parti politik menurut Islam dan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin. Analisis ini akan melalui dua peringkat. Peringkat pertama ialah untuk melihat secara dasar sama ada terdapat unsur perhubungan/perbezaan antara latarbelakang responden dengan konsep politik di dalam Islam. Sekiranya terdapat perhubungan pada tahap pengujian 0.05 (95% selang keyakinan), maka analisis peringkat kedua akan dilakukan iaitu analisis secara terperinci terhadap bentuk perhubungan/perbezaan. Oleh yang demikian, bagi pembolehubah-pembolehubah yang tidak mempunyai perhubungan

signifikan, maka ia tidak akan dianalisis. Analisis peringkat kedua ini dapat memberikan gambaran tentang bentuk perhubungan atau jurang perbezaan di antara item-item konsep politik di dalam Islam yang dikaji.

4.4.1 Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Pemahaman Politik Islam Mengikut Umur, Status, Pekerjaan, Tahap Pendidikan dan Aliran Pengajian.

Dalam bahagian ini, analisis akan tertumpu kepada perhubungan antara penerimaan responden terhadap pemahaman politik Islam mengikut latarbelakang iaitu umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran pengajian. Untuk mengetahui perbandingan antara pandangan masyarakat berkenaan pemahaman politik Islam dengan latarbelakang, maka semua soalan yang dikemukakan di dalam soal selidik dicampurkan (*compute*). Ini bermakna semua soalan dalam keseluruhan bahagian dicampurkan (*compute*) menggunakan ujian analisis crosstab.

Daripada ujian χ^2 (Khi – Kuasa Dua), didapati bahawa dimensi umur, status, pekerjaan dan tahap pendidikan mempunyai perhubungan bererti (signifikan) dengan penerimaan pandangan responden terhadap pemahaman politik Islam. Ini kerana daripada ujian statistik didapati bahawa latarbelakang tersebut berada di bawah paras pengujian 0.05 (95% pada selang keyakinan). Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri latarbelakang berkenaan mempengaruhi pandangan responden terhadap pemahaman politik Islam. Sementara aspek jantina didapati tidak mempunyai perhubungan bererti kerana dari ujian χ^2 , ia melebihi paras pengujian (95% selang keyakinan) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.9.

Jadual 4.9 : Perhubungan antara Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Pemahaman Politik Mengikut Latarbelakang responden

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai Pearson	Paras keertian	Signifikan
Umur	6	6.990	0.048	Ya
Status	4	5.189	0.162	Tidak
Pekerjaan	4	1.777	0.487	Tidak
Tahap Pendidikan	6	1.969	0.530	Tidak
Aliran Sekolah	4	2.172	0.372	Tidak

Sumber: Analisis Soalselidik

Paras Keertian : $p < .05$

i. Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Pemahaman Politik Islam Mengikut Umur

Daripada Ujian χ^2 yang dijalankan, didapati bahawa terhadap perhubungan yang bererti di antara umur dengan pandangan responden terhadap pemahaman mereka tentang politik Islam dengan χ^2 pada bacaan 6.990 dan paras keertian pada bacaan 0.048. Jadual 4.10 menunjukkan daripada 102 responden, seramai 61 orang (59.8%) dari kalangan mereka yang berumur 41-50 menyatakan persetujuan mereka tentang pemahaman politik Islam. Seramai 32 orang (31.4%) dari kalangan mereka yang berumur 31-40 dan 51 tahun ke atas melahirkan persetujuan mereka dan selebihnya dari kalangan mereka yang berumur 21-30 tahun. Tidak ada responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pemahaman politik Islam yang diutarakan.

Daripada peratusan persetujuan dapat dibuat rumusan bahawa golongan yang berumur dalam lingkungan 41-50 lebih memahami tentang politik Islam berbanding dengan mereka yang berumur di bawah 40 dan melebihi 51 tahun ke atas.

Jadual 4.10: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Pemahaman Politik Mengikut Umur

Umur	Tahap Persetujuan			Jumlah
	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
21-30	6 (5.9)	3 (2.9)	0 (0%)	9 (8.8)

31-40	5 (4.9)	11 (10.8)	0 (0%)	16 (15.7)
41-50	25 (24.5)	35 (34.3)	1 (1.0)	61 (59.8)
51 ke atas	3 (2.9)	13 (12.7)	0 (0%)	16 (15.7)
Jumlah	39 (38.2)	62 (60.8)	1 (1.0)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

4.4.2 Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Umur, Status, Pekerjaan, Tahap Pendidikan dan Aliran Pendidikan.

Daripada ujian χ^2 didapati bahawa umur, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran sekolah mempunyai hubungan bererti. Ini kerana daripada ujian statistik yang dijalankan didapati bahawa latarbelakang tersebut berada di bawah paras pengujian 0.05 (95% pada selang keyakinan). Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri latarbelakang berkenaan mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap penentuan parti politik menurut Islam. Manakala aspek status, didapati tidak mempunyai perhubungan yang bererti kerana ujian χ^2 melebihi paras pengujian 0.05 sebagaimana yang dapat dilihat dalam jadual 4.11.

Jadual 4.11 : Perhubungan antara Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Latarbelakang responden

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai Pearson	Paras keertian	Signifikan
Umur	9	19.307	0.010	Ya
Status	6	14.685	0.177	Tidak
Pekerjaan	6	14.816	0.005	Ya
Tahap Pendidikan	9	17.224	0.016	Ya
Aliran Pengajian	6	15.533	0.079	Ya

Sumber: Analisis Soalselidik

Paras Keertian : $p < .05$

i. Pandangan Masyarakat Pasir Mas terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Umur

Jadual 4.12 menunjukkan daripada 102 responden, hanya 3 orang sahaja (2.9%) yang tidak bersetuju dengan penentuan parti politik. Seramai 99 responden (97.1%) yang menerima⁸² dengan baik konsep penentuan parti politik menurut Islam. Berdasarkan umur, seramai 60 responden (58.8%) adalah dari kalangan mereka yang berumur 41-50 tahun menyatakan persetujuan mereka terhadap penentuan parti politik yang mana 32 orang (31.4%) bersetuju, 22 orang (21.6%) sangat setuju dan 6 orang (5.9%) Amat Sangat Setuju. Jumlah ini merupakan jumlah terbesar dalam peringkat umur yang menyatakan tahap persetujuan mereka. Peringkat umur yang paling kurang dalam menyatakan persetujuan terhadap penentuan parti ialah mereka yang berada dalam lingkungan umur 21-30 tahun. Daripada peratusan persetujuan dapat dirumuskan bahawa mereka yang berumur dalam lingkungan 41-50 lebih bersetuju dan memahami tentang penentuan parti politik.

Jadual 4.12: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Umur

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
21-30	0 (0)	5 (4.9)	4 (3.9)	0 (0)	9 (8.8)
31-40	2 (2.0)	8 (7.8)	6 (5.9)	0 (0)	16 (15.7)
41-50	1 (1.0)	32 (31.4)	22 (21.6)	6 (5.9)	61 (59.8)
51 ke atas	0 (0)	2 (2.0)	13 (12.7)	1 (1.0)	16 (15.7)
Jumlah	3 (2.9)	47 (46.1)	45 (44.1)	7 (6.9)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

⁸² Setuju, Sangat Setuju, Amat Sangat Setuju

ii. Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Pekerjaan

Jadual 4.13 menunjukkan bahawa daripada 6 orang responden yang merupakan pelajar, tiada seorang pun yang tidak setuju dan Amat Sangat Setuju dengan penentuan parti politik. Hanya 6 orang (5.8%) yang setuju dan sangat setuju.

Bagi kumpulan penjawat awam, hanya 3 orang sahaja (2.9%) yang tidak bersetuju dengan konsep penentuan parti politik. Seramai 28 orang (27.5%) bersetuju, 12 orang (11.8%) sangat setuju dan 3 orang (2.9%) Amat Sangat Setuju. Manakala bagi mereka yang bekerja sendiri pula, tiada seorang pun yang tidak setuju dengan penentuan parti politik. Sebaliknya, seramai 50 orang (49.0) yang menyatakan persetujuan mereka yang mana 16 orang (15.7%) bersetuju, 30 orang (29.4%) sangat setuju dan 4 orang (3.9%) Amat Sangat Setuju.

Daripada peratusan persetujuan dapat dibuat rumusan bahawa golongan yang bekerja sendiri merupakan golongan yang memahami penentuan parti politik berbanding dengan golongan pelajar dan golongan penjawat awam. Ia mengatasi penerimaan golongan lain. Ini kerana golongan yang bekerja sendiri tidak mempunyai kepentingan dalam parti politik. Kebanyakan golongan pelajar dan penjawat awam akan terikat dengan polisi dan dasar yang ditentukan oleh kerajaan yang memerintah. Para pelajar akan terikat dengan dasar pendidikan manakala pekerja awam akan terikat dengan dasar pentadbiran awam. Mereka tidak mempunyai kebebasan dalam menentukan parti politik berbanding dengan golongan yang bekerja sendiri.

Jadual 4.13: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Pekerjaan

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sangat Setuju	
Pelajar	0 (0)	3 (2.9)	3 (2.9)	0 (0)	6 (5.9)
Penjawat Awam	3 (2.9)	28 (27.5)	12 (11.8)	3 (2.9)	46 (45.1)
Kerja Sendiri	0 (0)	16 (15.7)	30 (29.4)	4 (3.9)	50 (49.0)
Jumlah	3 (2.9)	47 (46.1)	45 (44.1)	7 (6.9)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

iii. Pandangan Masyarakat Pasir Mas terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Tahap Pendidikan

Jadual 4.14 menunjukkan bahawa, hanya dua orang responden sahaja yang mempunyai latar belakang sekolah rendah dan kedua-dua mereka menyatakan persetujuan terhadap konsep penentuan parti politik. Bagi responden yang mempunyai latar belakang sekolah menengah, daripada seramai 56 orang responden, tiada seorang pun dari kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan konsep penentuan parti. Seramai 22 orang responden (21.6%) bersetuju, 31 orang (30.4%) sangat bersetuju dan 3 orang (2.9%) Amat Sangat Setuju. Bagi kumpulan yang mempunyai diploma, hanya terdapat 3 orang (2.9%) yang tidak setuju. Manakala selebihnya menyatakan persetujuan mereka dengan konsep penentuan parti iaitu 19 orang (18.6% yang bersetuju), 12 orang (11.8%) sangat setuju dan 3 orang (2.9%) Amat Sangat Setuju. Bagi kumpulan yang memiliki ijazah pula, tiada di kalangan mereka yang tidak bersetuju dan Amat Sangat Setuju. Walau bagaimanapun, mereka masih lagi menerima konsep penentuan parti di mana daripada 7 orang responden yang terlibat, 5 orang (4.9%) bersetuju dan dua orang (2.0%) sangat bersetuju.

Daripada peratusan persetujuan, dapat dibuat rumusan bahawa kumpulan yang mempunyai latarbelakang sekolah menengah lebih menerima dan memahami konsep penentuan parti politik berbanding kumpulan lain dengan 100% memberi menyokong konsep penentuan parti.

Jadual 4.14: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Tahap Pendidikan

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sangat Setuju	
Sekolah Rendah	0 (0)	1 (1.0)	0 (0)	1 (1.0)	2 (2.0)
Sekolah Menengah	0 (0)	22 (21.6)	31 (30.4)	3 (2.9)	56 (54.9)
Diploma	3 (2.9)	19 (18.6)	12 (11.8)	3 (2.9)	37 (36.3)
Ijazah	0 (0%)	5 (4.9)	2 (2.0)	0 (0)	7 (6.9)
Jumlah	3 (2.9)	47 (46.1)	45 (44.1)	7 (6.9)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

iv. Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Aliran Pengajian

Jadual 4.15 menunjukkan daripada seramai 55 orang responden dari aliran sekolah biasa, tidak ada dari kalangan mereka yang tidak setuju dengan konsep penentuan parti. Data menunjukkan bahawa seramai 20 orang (19.6%) bersetuju, 33 orang (32.4%) sangat setuju dan dua orang (2.0%) Amat Sangat Setuju. Bagi responden dari aliran agama ugama, seramai 3 orang (2.9%) yang tidak setuju dengan konsep penentuan parti. Manakala sebanyak 26 orang (25.5%) bersetuju, 11 orang (10.8%) sangat setuju dan 5 orang (4.9%) Amat Sangat Setuju. Bagi lain-lain aliran, hanya dua orang responden sahaja yang terlibat dalam kajian ini dan kedua-dua bersetuju dengan konsep penentuan parti.

Daripada peratusan persetujuan, jelas menunjukkan bahawa kumpulan aliran sekolah biasa lebih memahami konsep penentuan parti politik daripada aliran agama.

Jadual 4.15: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Penentuan Parti Politik Mengikut Aliran Pengajian

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
Aliran Sains	0 (0)	20 (19.6)	33 (32.4)	2 (2.0)	55 (53.9)
Aliran Sains Sosial	3 (2.9)	26 (25.5)	11 (10.8)	5 (4.9%)	45 (44.1)
Aliran Agama	0 (0%)	1 (1.0)	1 (1.0)	0 (0)	2 (2.0)
Jumlah	3 (2.9%)	47 (46.1)	45 (44.1)	7 (6.9)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

4.4.3 Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Umur, Status, Pekerjaan, Tahap Pendidikan dan Aliran Pengajian.

Daripada ujian χ^2 didapati bahawa umur, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran pendidikan mempunyai hubungan bererti. Ini kerana daripada ujian statistik yang dijalankan didapati bahawa latarbelakang tersebut berada di bawah paras pengujian 0.05 (95% pada selang keyakinan). Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri latarbelakang berkenaan mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik menurut Islam. Manakala aspek status dan aliran sekolah didapati tidak mempunyai perhubungan yang beerti kerana ujian χ^2 melebihi paras pengujian 0.05 sebagaimana yang dapat dilihat dalam jadual 4.16.

Jadual 4.16 : Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Latarbelakang responden

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai Pearson	Paras keertian	Signifikan
Umur	9	19.328	0.007	Ya
Status	6	13.292	0.096	Tidak

Pekerjaan	6	15.363	0.016	Ya
Tahap Pendidikan	9	19.932	0.037	Ya
Aliran Pengajian	6	43.274	0.003	Ya

Sumber: Analisis Soalselidik

Paras Keertian : $p < .05$

i. Pandangan Masyarakat Pasir Mas terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Umur

Jadual 4.17 menunjukkan daripada 102 responden, hanya 2 orang sahaja (2.0%) yang tidak bersetuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik. Seramai 100 responden (98.0%) yang menerima⁸³ dengan baik konsep syarat-syarat untuk menjadi pemimpin menurut Islam. Berdasarkan umur, seramai 61 responden (59.8%) adalah dari kalangan mereka yang berumur 41-50 tahun menyatakan persetujuan mereka terhadap penentuan parti politik yang mana 24 orang (23.5%) bersetuju, 31 orang (30.4%) sangat setuju dan 6 orang (5.9%) Amat Sangat Setuju. Jumlah ini merupakan jumlah terbesar dalam peringkat umur yang menyatakan tahap persetujuan mereka. Peringkat umur yang paling kurang dalam menyatakan persetujuan terhadap penentuan parti ialah mereka yang berada dalam lingkungan umur 21-30 tahun. Daripada peratusan persetujuan dapat dirumuskan bahawa mereka yang berumur dalam lingkungan 41-50 lebih bersetuju dan memahami tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik.

Jadual 4.17: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Umur

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sgt Setuju	
21-30	0 (0)	5 (4.9)	4 (3.9)	0 (0)	9 (8.8)

⁸³ Setuju, Sangat Setuju, Amat Sangat Setuju

31-40	2 (2.0)	9 (8.8)	4 (3.9)	1 (1.0)	16 (15.7)
41-50	0 (0)	24 (23.5)	31 (30.4)	6 (5.9)	61 (59.8)
51 ke atas	0 (0)	3 (2.9)	12 (11.8)	1 (1.0)	16 (15.7)
Jumlah	2 (2.0)	41 (40.2)	51 (50.0)	8 (7.8)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

ii. Pandangan Masyarakat Pasir Mas terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Pekerjaan

Jadual 4.18 menunjukkan bahawa daripada 6 orang responden yang merupakan pelajar, tiada seorang pun yang tidak setuju dan Amat Sangat Setuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik. Hanya 6 orang (5.9%) yang setuju dan sangat setuju.

Bagi kumpulan penjawat awam, hanya 2 orang sahaja (2.0%) yang tidak bersetuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik. Seramai 25 orang (24.5%) bersetuju, 14 orang (13.7%) sangat setuju dan 5 orang (4.9%) Amat Sangat Setuju. Manakala bagi mereka yang bekerja sendiri pula, tiada seorang pun yang tidak setuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik. Sebaliknya, seramai 50 orang (49.0) yang menyatakan persetujuan mereka yang mana 13 orang (12.7%) bersetuju, 34 orang (33.3%) sangat setuju dan 3 orang (2.9%) Amat Sangat Setuju.

Daripada peratusan persetujuan dapat dibuat rumusan bahawa golongan yang bekerja sendiri merupakan golongan yang memahami syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti politik menurut Islam berbanding dengan golongan pelajar dan golongan penjawat awam. Ia mengatasi penerimaan golongan lain.

Jadual 4.18: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Pekerjaan

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sangat Setuju	
Pelajar	0 (0)	3 (2.9)	3 (2.9)	0 (0)	6 (5.9)
Penjawat Awam	2 (2.0)	25 (24.5)	14 (13.7)	5 (4.9)	46 (45.1)
Kerja Sendiri	0 (0)	13 (12.7)	34 (33.3)	3 (2.9)	50 (49.0)
Jumlah	2 (2.0)	41 (40.2)	51 (50.0)	8 (7.8)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

iii. Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Tahap Pendidikan

Jadual 4.19 menunjukkan bahawa, hanya dua orang responden sahaja yang mempunyai latar belakang sekolah rendah dan kedua-dua mereka menyatakan persetujuan terhadap syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam. Bagi responden yang mempunyai latar belakang sekolah menengah, daripada seramai 56 orang responden, tiada seorang pun dari kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam. Seramai 18 orang responden (17.6%) bersetuju, 36 orang (35.3%) sangat bersetuju dan 2 orang (2.0%) Amat Sangat Setuju. Bagi kumpulan yang mempunyai diploma, hanya terdapat 2 orang (2.0%) yang tidak setuju. Manakala selebihnya menyatakan persetujuan mereka dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam iaitu 17 orang (16.7% yang bersetuju), 13 orang (12.7%) sangat setuju dan 5 orang (4.9%) Amat Sangat Setuju. Bagi kumpulan yang memiliki ijazah pula, tiada di kalangan mereka yang tidak bersetuju dan Amat Sangat Setuju. Walau bagaimanapun, mereka masih lagi menerima syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam di mana daripada 7

orang responden yang terlibat, 5 orang (4.9%) bersetuju dan dua orang (2.0%) sangat bersetuju.

Daripada peratusan persetujuan, dapat dibuat rumusan bahawa kumpulan yang mempunyai latarbelakang sekolah menengah lebih menerima dan memahami syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam berbanding kumpulan lain dengan 100% memberi menyokong pernyataan tersebut.

Jadual 4.19: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Tahap Pendidikan

Umur	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sangat Setuju	
Sekolah Rendah	0 (0)	1 (1.0)	0 (0)	1 (1.0)	2 (2.0)
Sekolah Menengah	0 (0)	18 (17.6)	36 (35.3)	2 (2.0)	56 (54.9)
Diploma	2 (2.0)	17 (16.7)	13 (12.7)	5 (4.9)	37 (36.3)
Ijazah	0 (0%)	5 (4.9)	2 (2.0)	0 (0)	7 (6.9)
Jumlah	2 (2.0)	41 (40.2)	51 (50.0)	8 (7.8)	102 (100)

Sumber: Analisis Soalselidik

iv. Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Aliran Pengajian

Jadual 4.20 menunjukkan bahawa, seramai 42 orang responden dari aliran agama, seorang sahaja yang menunjukkan tidak setuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam. 24 (23.5%) orang responden menyatakan setuju, 10 (9.8%) orang menyatakan sangat setuju dan 7 (6.9%) orang mengatakan Amat Sangat Setuju.

Bagi responden dari aliran sains sosial pula, daripada seramai 27 orang responden, hanya seorang sahaja yang tidak setuju, dua orang setuju (2.0%) dan 24 orang (23.5) sangat setuju. Manakala responden dari aliran sains, kesemua responden menyatakan sangat setuju dengan syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam.

Daripada peratusan persetujuan, dapat dibuat rumusan bahawa mereka yang mendapat pendidikan agama lebih menerima dan memahami syarat-syarat untuk menjadi pemimpin parti politik menurut Islam berbanding kumpulan lain.

Jadual 4.20: Pandangan Masyarakat Pasir Mas Terhadap Syarat-syarat untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Politik Menurut Islam Mengikut Aliran Pengajian

Aliran Pendidikan	Tahap Persetujuan				Jumlah
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sangat Setuju	
Aliran Sains	0 (0)	0 (0)	8 (7.8)	0 (0)	8 (7.8)
Aliran Sains Sosial	1 (1.0)	2 (2.0)	24 (23.5)	0 (0)	27 (26.5)
Aliran Agama	1 (1.0)	24 (23.5)	10 (9.8)	7 (6.9)	42 (41.2)
Jumlah	2 (2.0)	41 (40.2)	51 (50.0)	8 (7.8)	102 (100)

4.4.4 Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik Mengikut Umur, Status, Pekerjaan, Tahap Pendidikan, Aliran Pengajian.

Untuk mengetahui perbezaan pandangan masyarakat Pasir Mas mengikut latarbelakang, maka semua soalan yang dikemukakan dalam soal selidik dicampurkan (*compute*). Ini bermakna semua soalan dalam keseluruhan bahagian dicampurkan (*compute*) menggunakan ujian analisis Anova Sehalu.

Daripada ujian Anova yang dijalankan didapati tidak terdapat perbezaan pandangan masyarakat Pasir Mas tentang kefahaman politik mengikut jantina, sektor pekerjaan, taraf pendidikan dan aliran pengajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21, di mana bacaan semua dimensi itu menunjukkan di atas paras pengukuran 0.05 atau (95% Pada Selang Keyakinan). Dengan kata lain, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi-dimensi latarbelakang responden tersebut dengan pandangan masyarakat.

Jadual 4.21: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik Mengikut Mengikut Latarbelakang Responden

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai F	Paras keertian	Significant
Umur	3	2.443	0.069	Tidak
Status	2	2.021	0.138	Tidak
Pekerjaan	2	2.513	0.086	Tidak
Tahap Pendidikan	3	1.612	0.191	Tidak
Aliran Pengajian	3	3.203	0.027	Ya

Sumber: Analisis Soalselidik

i. Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik Mengikut Aliran Pengajian

Daripada ujian Anova sehalu yang dijalankan di antara aliran pendidikan dengan pandangan masyarakat Pasir Mas tentang kefahaman politik, didapati purata mata penerimaan bagi kumpulan aliran sains pada bacaan 50, kumpulan aliran sains sosial mendapat purata 52.56, purata mata bagi aliran agama ialah 52.88 dan purata mata bagi lain-lain alian ialah 50.36 sebagaimana dalam jadual 4.22. Aliran agama mempunyai purata mata yang paling tinggi dan aliran sains mempunyai purata mata yang paling rendah. Dengan itu, terdapat perbezaan di antara aliran agama dan aliran sains sebesar 2.88 mata.

Jadual 4.22: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik Mengikut Aliran Pengajian

Aliran Pendidikan	Purata Mata
Aliran Sains	50.00
Aliran Sains Sosial	52.56
Aliran Agama	52.88
Lain-lain	50.36

Sumber: Analisis Soalselidik

4.4.5 Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Umur, Status, Pekerjaan, Tahap Pendidikan, Aliran Sekolah dan Aliran Pengajian

Daripada ujian Anova yang dijalankan didapati terdapat perbezaan dalam pandangan masyarakat Pasir Mas tentang penentuan parti politik menurut Islam mengikut dimensi umur dan pekerjaan responden sebagaimana dalam Jadual 4.23. Dengan kata lainnya terdapat perbezaan yang nyata antara dimensi latarbelakang responden yang dikaji dengan pandangan mereka tentang penentuan parti politik menurut Islam kecuali dimensi status, tahap pendidikan, aliran pengajian.

Jadual 4.23: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Latarbelakang Responden

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai F	Paras keertian	Significant
Umur	3	2.118	0.103	Tidak
Status	2	1.383	0.256	Tidak
Pekerjaan	2	3.857	0.024	Ya
Tahap Pendidikan	3	0.587	0.625	Tidak
Aliran Pengajian	3	1.684	0.176	Tidak

Sumber: Analisis Soalselidik

i. Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Pekerjaan

Daripada ujian Anova sehalu yang dijalankan di antara sektor pekerjaan dengan pandangan masyarakat Pasir Mas tentang penentuan parti politik menurut Islam,

didapati purata mata penerimaan bagi kumpulan pelajar ialah pada bacaan 39.50, sementara kumpulan penjawat awam pula, purata matanya ialah 36.91. Manakala kumpulan yang bekerja sendiri, skor purata ialah pada 40.04 sebagaimana dalam jadual 4.24.

Oleh itu, terdapat perbezaan skor purata di antara kumpulan pelajar dan penjawat awam sebesar 2.59, sementara perbezaan antara kumpulan pelajar dengan kumpulan kerja sendiri ialah sebesar -0.54 mata. Manakala perbezaan kumpulan penjawat awam dengan kumpulan kerja sendiri ialah sebesar -3.13 mata.

Jadual 4.24: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Purata Mata
Pelajar	39.50
Penjawat Awam	36.91
Kerja Sendiri	40.04

Sumber: Analisis Soalselidik

Daripada dapatan kajian di atas, penerimaan kumpulan yang bekerja sendiri terhadap konsep penentuan parti politik menurut Islam didapati lebih tinggi berbanding dengan kumpulan-kumpulan sektor lain. Kumpulan kedua tertinggi penerimaannya ialah kumpulan pelajar diikuti dengan kumpulan yang bekerja di bawah kerajaan pusat.

4.4.6 Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Menurut Islam Mengikut Jantina, Sektor Pekerjaan, Taraf Pendidikan dan Aliran Pengajian

Daripada ujian Anova yang dijalankan didapati terdapat perbezaan dalam pandangan masyarakat Pasir Mas tentang penentuan parti politik menurut Islam mengikut dimensi umur dan pekerjaan responden sebagaimana dalam jadual 4.25. Dengan kata lainnya terdapat perbezaan yang nyata antara dimensi latarbelakang responden yang dikaji

dengan pandangan mereka tentang penentuan parti politik menurut Islam kecuali dimensi status, tahap pendidikan, aliran sekolah dan aliran pendidikan.

Jadual 4.25: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemeimpin dalam Parti Menurut Islam Mengikut Jantina, Sektor Pekerjaan, Taraf Pendidikan dan Aliran Pengajian

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai F	Paras keertian	Significant
Umur	3	3.468	0.019	Ya
Status	2	2.267	0.109	Tidak
Pekerjaan	2	3.986	0.022	Ya
Tahap Pendidikan	3	1.557	0.205	Tidak
Aliran Pengajian	3	2.341	0.078	Tidak

Sumber: Analisis Soalselidik

i. Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Menurut Islam Mengikut Umur

Daripada ujian Anova sehalu yang dijalankan di antara umur dengan pandangan masyarakat Pasir Mas tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti menurut Islam, didapati purata mata penerimaan bagi kumpulan yang berumur 21-30 ialah pada bacaan 20.33, sementara kumpulan yang berumur antara 31-40, purata matanya ialah 18.94. Manakala kumpulan yang berumur antara 41-50, skor purata ialah pada 21.16. Kumpulan 51 tahun ke atas pula, purata mata ialah 22.00 sebagaimana dalam Jadual 4.26.

Jadi, terdapat perbezaan skor purata di antara kumpulan yang berumur 21-30 dan 31-40 sebesar 1.39, sementara perbezaan antara kumpulan yang berumur 21-30 dengan kumpulan 41-50 ialah sebesar -0.83 mata. Manakala perbezaan kumpulan berumur 21-30 dengan kumpulan 51 tahun ke atas ialah sebesar -1.67 mata.

Jadual 4.26: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Umur

Umur	Purata Mata
21-30	20.33
31-40	18.94
41-50	21.16
51 ke atas	22.00

Sumber: Analisis Soalselidik

Daripada dapatan kajian di atas, penerimaan kumpulan 51 tahun ke atas adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain.

ii. Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemimpin dalam Parti Menurut Islam Mengikut Pekerjaan

Daripada ujian Anova sehalu yang dijalankan di antara pekerjaan dengan pandangan masyarakat Pasir Mas tentang syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam parti menurut Islam, didapati purata mata penerimaan bagi pelajar ialah pada bacaan 20.50, sementara kumpulan penjawat awam, purata matanya ialah 20.02. Manakala kumpulan mereka yang bekerja sendiri, skor purata ialah pada 21.70 sebagaimana dalam Jadual 4.27.

Jadi, terdapat perbezaan skor purata di antara kumpulan pelajar dan penjawat awam sebesar 0.48, sementara perbezaan antara pelajar dengan kumpulan mereka yang bekerja sendiri ialah sebesar -1.2 mata. Manakala perbezaan kumpulan penjawat awam dengan mereka yang bekerja sendiri ialah sebesar -1.68 mata.

Jadual 4.27: Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Purata Mata
Pelajar	20.50
Penjawat Awam	20.02
Kerja Sendiri	21.70

Sumber: Analisis Soalselidik

Daripada dapatan kajian di atas, penerimaan mereka yang bekerja sendiri adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain.

4.5 Kesimpulan

Bahagian ini telah membincangkan hasil kajian dan menjelaskan keputusan mengikut hipotesis yang digunakan. Hasil kajian ini dibuat berdasarkan data daripada 102 responden yang memberi maklum balas berdasarkan soal selidik yang dihantar. Responden tersebut merupakan masyarakat di daerah Pasir Mas.

Secara keseluruhannya, hasil kajian dapat menjelaskan hipotesis yang dibentuk. Ketiga-tiga hipotesis yang dibentuk adalah diterima. Ringkasan hasil kajian ditunjukkan dalam jadual 4.28.

JADUAL 4.28 Ringkasan Hasil Kajian

Bil	Hipotesis	Keputusan
H ₁	Terdapat Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik Mengikut Latarbelakang Responden	Terima
H ₂	Terdapat Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Latarbelakang Responden	Terima
H ₃	Terdapat Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemeimpin dalam Parti Menurut Islam Mengikut Jantina, Sektor Pekerjaan, Taraf Pendidikan dan Aliran Pengajian	Terima

Bab seterusnya akan membincangkan rumusan kajian berdasarkan keputusan kajian dalam bab ini. Bahagian seterusnya juga menyentuh cadangan kajian untuk masa hadapan.